



# Konsep Ijtihad Menurut Perundangan Islam

**Dalam** konteks perundangan Islam, falsafah ijtihad sebagai salah satu sumber hukum adalah bertujuan untuk menampung keperluan manusia dan zaman. Walaupun ia mampu berfungsi sebagai mekanisme hukum yang bersifat kontemporari namun dari segi pengaplikasian ia masih lagi terikat dengan kerangka syariat Islam. Sesuatu hukum yang melalui proses ijtihad adalah bertujuan untuk memenuhi kepentingan masyarakat umum (*maslahah*) dan bertepatan dengan sifat syari'at yang sesuai pada setiap zaman dan tempat.

Berpegang kepada prinsip syariat yang bersifat a'alami (sejagat), keperluan kepada satu hukum subsidiari iaitu ijtihad dapat membantu menyelesaikan permasalahan manusia yang semakin mencabar (*complicated*). Secara umumnya, hala tuju ijtihad ialah untuk mengenal petunjuk dan agama Allah yang disampaikan oleh utusan-Nya. Pelaksanaan ijtihad hanya diaplikasikan dalam bidang pemikiran dan pengkajian serta penelitian yang mendalam tentang sesuatu permasalahan baru yang tidak terdapat dalam teks syara'.

Jika disorot kembali sejarah kegemilangan ketamadunan umat Islam silam, antaranya disebabkan kemajuan umat dalam bidang penyelidikan (R&D). Realiti keilmuan para sarjana Islam pada ketika itu diakui dan diiktiraf oleh masyarakat dunia. Pada era tersebut, kecenderungan para ulama' dalam meneroka bidang ijtihad sangat membanggakan dan mencetuskan perbendaharaan fiqh yang sangat berharga kepada umat Islam. Bahkan sebahagian daripada hipotesis hukum yang dikeluarkan oleh ulama' tersebut yang dianggap klasik namun masih lagi digunakan sehingga sekarang. Umat Islam pada ketika itu telah mencapai kegemilangan dalam bidang ilmu pengetahuan yang dikatakan mendahului zaman mereka.

## Ijtihad Dari Sudut Bahasa dan Istilah

Al-Imam Abu Zahrah dalam karangannya '*Usul al-Fiqh*' mendefinisikan ijtihad dari sudut bahasa iaitu mencurahkan segala kemampuan dengan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara atau perbuatan. Dari sudut istilah, Ulama' Usul memberi pengertian yang berbeza. Menurut *al-Imam as-Syaukani* dalam penulisannya '*Irshad al-Fuhul*' beliau telah menukulkan pengertian ijtihad iaitu:

*"Memfokuskan segala kemampuan untuk menghasilkan hukum syara' yang bersifat praktikal melalui kaedah istinbat (rumusan tentang hukum)"*.

Sebahagian ulama' lain memberi pandangan yang berbeza tentang istilah ijtihad. Sebagai contoh, Imam al-Amidi (*al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*) menjelaskan pengertian ijtihad sebagai:

*"Mencurahkan segala tenaga untuk mencari hukum syara' yang bersifat zhanni, semaksimal mungkin sehingga tidak ada ruang untuk mencari tambahan berdasarkan kemampuan yang dimiliki"*.

Merujuk kitab '*Minhaj al-Wusul ila Ilmu al-Usul*' al-Baidhawi memberi kupasan tentang ijtihad sebagai:

*"Menumpukan sepenuh daya dalam memahami hukum syara'"*.

Beraskan pengertian yang diberikan oleh para sarjana tentang ijtihad, dapat dirumuskan iaitu usaha yang bersungguh-sungguh dikalangan mujtahid secara optimum untuk mengeluarkan sesuatu hukum syara' secara *istinbat*. Secara teorinya, pelbagai definisi dikemukakan oleh para sarjana berkenaan dengan istilah ijtihad. Meskipun perbezaan pentafsiran bersifat teknikal, namun dari segi pengaplikasiannya jelas mempunyai persamaan. Perbezaan dari aspek metodologi mengikut pendekatan yang digariskan oleh para fuqaha'.

## Dalil Ijtihad

Sejarah menunjukkan ijtihad memainkan peranan penting dalam usaha menyokong pembinaan hukum Islam. Doktrin ijtihad sebagai sumber tambahan perundangan Islam bukan bermaksud pintu syara' terbuka dengan bebasnya kepada umat manusia tanpa batasan. Sebaliknya, ia adalah sumber tambahan bagi menyelesaikan permasalahan yang ditimbulkan oleh manusia dan masih lagi berkompromi dengan semangat syara'. Dengan perkataan lain, ijtihad boleh diperincikan sebagai kombinasi yang harmoni antara unsur wahyu dan akal manusia.

Ibn al-Qayyim al-Jauziyah dalam penulisannya, '*Ilam al-Muqad`ini*' menjelaskan pengiktirafan nabi berkenaan dengan amalan ijtihad yang dilakukan oleh Muaz bin Jabal dan beliau telah dilantik sebagai kadi di Yaman. Muaz ditanya oleh baginda s.a.w berhubung dengan pendekatan yang diamalkan semasa melaksanakan tugas tersebut. Baginda s.a.w mengemukakan soalan ketika Muaz baru dilantik sebagai kadi, "Dengan asas apa kamu hukum nanti?" Jawab Muaz, "Dengan al-Quran", "Sekiranya kamu dapati tidak ada hukum tersebut di dalamnya?" Jawab Muaz "Dengan Sunnah Rasulnya", "Sekiranya masih tidak terdapat di dalamnya?", "Aku akan berjihad menurut pemikiranku". Lantas bersabda Nabi s.a.w, "Maha suci Allah yang telah memberikan petunjuk kepada utusan Rasulullah s.a.w."

Bahkan doktrin ijtihad sebagai mekanisme dalam memahami tuntutan syara' disokong oleh al-Quran. Kebanyakan ayat dalam al-Quran menggesa penganutnya menggunakan akal

sebagai instrumen dalam mengkaji dan menyelidiki falsafah perundangan Islam secara terperinci. Umum mengetahui, ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepada manusia bersifat prinsip dan umum. Oleh itu, menjadi obligasi kepada manusia untuk memperincikan dan mengkaji tuntutan syara' tersebut dengan akal yang dianugerahkan oleh Ilahi. Namun begitu penggunaan akal dalam memahami maksud dan kehendak wahyu perlu mengikuti prosedur yang ditentukan oleh syariat. Dalam al-Quran Allah s.w.t berfirman:

*"Maka hendaklah kamu mengambil iktibar (pengajaran) wahai mereka yang mempunyai pandangan" (al-Hasyr 59:2)*

Secara praktisnya, meskipun amalan ijtihad ini merupakan sumber hukum baru yang wujud selepas kewafatan Rasulullah s.a.w namun amalan ini telahpun dilaksanakan sebelum itu. Bahkan Nabi Muhammad sendiri pernah berjihad dalam permasalahan yang berlaku sementara menunggu wahyu diturunkan. Pada waktu itu, ijtihad yang dilaksanakan bukan bersifat mengikat, kerana ia bergantung kepada wahyu yang diturunkan sama ada memperakukan atau membatalkan ijtihad tersebut. Berpegang kepada amalan yang dilakukan oleh Nabi, institusi ijtihad telahpun diasaskan oleh Nabi secara tidak langsung. Ini menunjukkan, Nabi telah memberi garis panduan dan latihan amali kepada para sahabat dalam proses pembinaan hukum dalam menghadapi kes-kes permasalahan manusia yang tidak diputuskan oleh teks syara'.

## Konsep Ijtihad

Metodologi ijtihad yang diasaskan oleh Nabi s.a.w diteruskan oleh para sahabat selepas kewafatan baginda. Pada zaman sahabat, amalan ijtihad dilakukan dengan mengikut prosedur yang telah ditentukan. Kebiasaannya para sahabat dalam mengeluarkan sebarang hukum, mereka bersikap berhati-hati kerana dibimbangi berlaku *ultra vires* dengan peruntukan syara'. Oleh yang demikian, apabila timbul sesuatu kes, maka rujukan utama ialah al-Quran disusuli al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Para sahabat tidak bersikap membelakangi autoriti hirarki susunan teks perundangan Islam dalam proses pembinaan hukum.

Para sahabat mengambil pendekatan berwaspada dalam mengeluarkan sebarang hukum. Mahmood Zuhdi Abd. Majid dalam bukunya '*Sejarah Pembinaan Hukum Islam*' mengupas tentang isu ijtihad, beliau memberi



pandangan pendapat-pendapat yang dilahirkan oleh para sahabat tidak boleh dianggap sebagai pendapat peribadi semata-mata. Ini disebabkan segala pandangan dan fatwa yang diberikan berasaskan kepada metodologi pengajaran dan pembelajaran yang diterima oleh Nabi s.a.w. Oleh yang demikian didapati kelompok para sahabat yang agung seperti Abu Bakr, Omar, Uthman, Ali dan lain-lain banyak berjihad disebabkan mereka telah lama bergaul dengan Nabi s.a.w.

Warisan keilmuan yang ditinggalkan oleh para sahabat berkaitan ilmu fiqh disambung oleh generasi yang seterusnya. Golongan sahabat memberi contoh teladan yang sangat berharga kepada generasi selepasnya dalam merintis dan meneroka perundangan syariah. Mereka telah mengasaskan metodologi pembinaan hukum yang jelas untuk disambung oleh generasi yang akan datang. Implikasinya, ia meninggalkan kesan yang mendalam dalam usaha mempergiatkan dan memperkembangkan lagi institusi fiqh dengan lebih efektif dan praktikal.

Pada zaman Abbasiyah, revolusi ilmu pengetahuan telah berkembang dengan pesat. Tamadun Islam pada ketika itu telah meletakkan bidang ilmu sebagai instrumen yang penting dalam membangunkan peradaban manusia. Pada zaman keemasan Islam, berlaku proses penambahbaikan dalam konsep ilmu. Lantaran itu, lahirlah disiplin-disiplin pengajian secara khusus dan berikar sebagai bidang ilmu yang berfokus seperti fiqh, usul fiqh, tauhid, akhlak, tasawuf dan lain-lain. Perkara yang sama juga berlaku dalam bidang ijtihad. Para ulama' memainkan peranan penting dalam menyuburkan doktrin ijtihad ke arah yang lebih konsisten dan efektif.

Dalam masa yang sama berlaku pertembungan tamadun Islam dan tamadun dunia yang lain menyebabkan permasalahan yang komplikated yang perlu diselesaikan segera oleh para cendekiawan Islam. Pertambahan keperluan semasa masyarakat Islam yang terdiri daripada pelbagai variasi bangsa dan perbezaan keilmuan para fuqaha' memberi implikasi yang besar terhadap institusi ijtihad. Perkembangan yang berlaku ini menyebabkan doktrin ijtihad dilihat sebagai alternatif perundangan Islam yang sesuai bagi memenuhi kekosongan (*lacunae*) keperluan masyarakat. Meskipun begitu, para fuqaha' tidak mengabaikan sumber-sumber perundangan Islam yang lain dalam menentukan metodologi pembinaan hukum.

Kecemerlangan institusi ijtihad pada ketika itu berkait rapat dengan kebebasan berfikir yang diberikan kepada para ulama'. Sehubungan dengan itu, impak dari kegiatan ijtihad telah mengasaskan hukum-hukum andaian. Ketentuan ini dikenali dalam fiqh sebagai fiqh andaian '*Fiqh Iqtiraadi*'. Hukum-hukum yang diputuskan melalui ijtihad bukanlah bersifat mengikat sepanjang masa dan zaman. Ia bergantung kepada pengkajian dan penyelidikan hukum yang dijalankan dari semasa ke semasa. Berkemungkinan sesuatu pandangan itu diterima dan dihormati selagi mana pandangan tersebut dapat menampung keperluan semasa dan zaman selepasnya.

Meskipun begitu, kesimpulan-kesimpulan hukum yang dibuat oleh para sarjana Islam pada ketika telah merimbunkan lagi perbendaharaan fiqh. Begitu juga dengan perbezaan pendapat yang berlaku di kalangan ulama' bukanlah penyebab perpecahan di kalangan umat Islam sebaliknya sebagai wacana ilmiah dalam medan intelektual.

## Ijtihad Kontemporari

Sememangnya, pusaka perbendaharaan fiqh yang diwarisi daripada ulama' silam mempunyai nilai estetika yang tinggi dan dihormati. Mereka merupakan perintis yang meneroka laluan dalam mengasaskan metodologi pembinaan hukum dalam pelbagai aliran mazhab. Sumbangan yang ditinggalkan oleh para ulama' terdahulu dalam bidang ijtihad sama ada yang berbentuk realistik ataupun yang bersifat hipotesis sangat berharga untuk dijadikan panduan. Seolah-olah ada yang melihat isi kandungan fiqh yang telah dihasilkan bersifat lengkap dan pandangan ulama klasik merupakan kata-kata keramat yang tidak boleh diusik.

## Nabi Muhammad sendiri pernah berjihad dalam permasalahan yang berlaku sementara menunggu wahyu diturunkan...

Justeru itu, lahirlah pandangan yang mengatakan, segala pendapat yang termaktub dalam khazanah fiqh terdahulu bersifat sempurna dan dapat menampung keperluan semasa manusia sehingga sekarang. Lantaran itu, tidak perlulah usaha untuk mempergiatkan semula amalan ijtihad disebabkan semua permasalahan telah pun dijelaskan oleh ulama' silam. Pendapat ini dibelenggu dengan pemikiran taqlid dan terikat ketat dengan pendapat ulama' klasik sehinggakan membantut usaha ke arah percambahan intelektual pembinaan hukum.

Dalam era globalisasi, perkembangan ICT dan keperluan semasa manusia berkembang dengan hebat dan berbeza dengan keperluan tamadun manusia silam. Perkembangan revolusi ilmu pengetahuan, politik, budaya kemasyarakatan dan pelbagai lagi bergerak pantas sejajar dengan peredaran zaman. Berbeza dengan gaya hidup masyarakat silam yang bersifat simple dan tidak komplikated sebagaimana yang dihadapi oleh masyarakat pada hari ini. Dr. Yusof al-Qaradhawi seorang ulama' kontemporari dalam bukunya '*Ijtihad dalam Syariah Islam*' menjelaskan disebabkan realiti dan keperluan zaman berbeza-beza mendorong para ulama' mewajibkan fatwa

berubah-ubah. Perubahan ini disebabkan perubahan zaman, tempat, adat dan realiti semasa.

Oleh yang demikian, keperluan kepada ijtihad semasa menepati kehendak falsafah syariah yang bersifat fleksibel dan sesuai pada bila-bila masa dan tempat. Secara konseptualnya, meskipun syariat terikat secara rigid dengan prinsip-prinsip nas yang ketat, namun terdapat kelenturan dari aspek amalan dan pendekatan. Allah yang Maha Penyayang tidak menyusahkan hamba-Nya dan tidak membebankan hamba-Nya dengan sesuatu yang tidak mampu dilakukan. Bersetujuan falsafah syariah yang bersifat dinamis dan proaktif dalam menyelesaikan permasalahan manusia, maka doktrin ijtihad dilihat sebagai mekanisme perundangan dalam memahami dimensi syara' yang luas.

Dalam lapangan ekonomi, pelbagai permasalahan baru timbul dan tidak berlaku pada zaman silam. Sebagai contoh, dalam persoalan insuran sama ada yang meliputi nyawa, harta dan sebagainya yang terkandung dalam pakej insuran tersebut. Begitu juga dengan persoalan saham dan urusan transaksi perbankan. Persoalan yang berkaitan dengan mata wang dan pertukaran nilai mata wang dan pelbagai lagi persoalan-persoalan yang berbangkit mengenyainya. Semua masalah ini memerlukan jawapan segera dari sudut hukum sama ada dibolehkan atau dilarang oleh syara'. Begitu juga dengan persoalan perubahan, teknologi dan penemuan terkini yang dicapai dalam bidang perubatan begitu komplikated. Sebagai contoh, penggunaan bahan terlarang dalam bidang perubatan, sejauhmana dibenarkan dalam Islam. Begitu juga dengan isu genetik sama ada melibatkan manusia yang hidup atau yang meninggal dunia atau yang melibatkan berlainan agama. Isu pemindahan organ yang diambil daripada haiwan sama ada yang halal atau yang haram untuk menyelamatkan nyawa manusia. Banyak lagi persoalan yang ditimbulkan dalam bidang perubatan

## Kesimpulan

Kesimpulannya, ijtihad merupakan sumber alternatif dalam perundangan Islam bagi menyelesaikan permasalahan manusia semasa. Dalam dunia moden pada hari ini pelbagai persoalan baru berbangkit dalam pelbagai bidang kehidupan manusia yang memerlukan jawapan dari sudut perundangan Islam. Bagi memberi jawapan tersebut, institusi ijtihad merupakan satu dimensi yang dianugerahkan oleh syaraf untuk menyelesaikan permasalahan yang tidak ditetapkan oleh dalil yang qat'ie (pasti). Umat Islam pada hari ini perlu bersikap kreatif dan mempergiatkan usaha penyelidikan sebagaimana yang telah dipraktikkan oleh sarjana Islam dalam memberi sumbangan ke arah memperkasakan perundangan Islam supaya lebih realistik.

Oleh :

**Shuhairimi bin Abdullah**  
Pusat Kemahiran Komunikasi dan  
Keusahawanan  
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia